



LAWATAN KERJA PROJEK LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE) DI PLAZA TOL HUTAN MELINTANG SEKSYEN 8 (HUTAN MELINTANG – TELUK INTAN)

Perak, 21 Februari 2019 – Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat atau West Coast Expressway (WCE) E32, adalah sebuah projek penswastaan lebuhraya yang mendapat sokongan penuh pihak Kerajaan Malaysia. Projek ini dilaksanakan oleh West Coast Expressway Sdn. Bhd. Jajaran Lebuhraya WCE merentasi dua (2) buah negeri iaitu Negeri Selangor dan Negeri Perak sejauh 233KM. Jajaran lebuhraya WCE di Negeri Selangor bermula dari Jalan Banting – KLIA (B18) sehingga Persimpangan Bertingkat Tanjong Karang sepanjang 93.8KM manakala di Negeri Perak bermula dari Jalan Persekutuan (FR5) di Hutan Melintang ke Plaza Tol Changkat Jering sepanjang 139.2KM. Lebuhraya WCE mempunyai 21 persimpangan bertingkat beserta 20 plaza tol. Lebuhraya WCE juga dihubungkan dengan lebuhraya yang sedia ada (seperti PLUS, SKVE, NKVE, NNKSB, LATAR, KESAS, dan lain-lain) demi memenuhi keperluan trafik di laluan-laluan utama.

Tujuan lawatan kerja diadakan pada hari ini adalah untuk memperkenalkan Lebuhraya WCE kepada Kerajaan Negeri Perak dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain dan untuk berkongsi perkembangan/status terkini kemajuan projek kepada pihak-pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan projek pembinaan lebuhraya WCE ini. Lawatan kerja tersebut telah berlangsung di tapak pembinaan projek lebuhraya WCE, di Plaza Tol Hutan Melintang, Seksyen 8, Perak Darul Ridzuan. Lawatan ini dihadiri oleh YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Besar Perak bersama YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Haji Mohd Tahir, Timbalan Menteri Kerja Raya.

Jajaran Lebuhraya WCE di Negeri Perak mempunyai 4 Seksyen iaitu Seksyen 8 (Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan), Seksyen 9

(Persimpangan Kampung Lekir ke Persimpangan Changkat Cermin) dan Seksyen 10 (Persimpangan Changkat Cermin ke Persimpangan Beruas) dan Seksyen 11 (Persimpangan Beruas ke Persimpangan Taiping Selatan). Tiga (3) seksyen bagi jajaran di Negeri Perak iaitu Seksyen 8, 9 dan 10 sedang diperingkat akhir penyiapan dan dijangkakan akan dibuka secara berperingkat bermula seawal Jun 2019 dan seksyen selainnya dibuka apabila disiapkan kelak.

Lebuhraya WCE akan berfungsi sebagai laluan alternatif kepada Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Selain daripada itu, lebuhraya WCE akan menjadi laluan pintasan kepada kawasan-kawasan utama di negeri Perak antaranya di Teluk Intan, Kampung Lekir, Sitiawan, Changkat Cermin, Beruas dan sebagainya.

Perlaksanaan pembinaan lebuhraya WCE berdasarkan implementasi *Malaysian Green Highway Index (MyGHI)* serta penggunaan teknologi binaan yang bermutu tinggi. Lebuhraya WCE juga akan dilengkapi dengan kemudahan asas seperti Kawasan Rehat & Rawat, medan selera, surau, tandas dan parkir yang luas serta kemudahan stesyen minyak bagi memenuhi keperluan pengguna lebuhraya. Selain itu, dari aspek keselamatan, lebuhraya WCE dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV), pasukan peronda lebuhraya yang beroperasi 24 jam dan lain-lain lagi. Ciri-ciri ini akan dapat memberikan jaminan keselamatan serta kualiti perjalanan yang selesa selain membantu memendekkan masa perjalanan.

Lebuhraya WCE bukan sahaja dibina untuk memudahkan aksesibiliti pengguna lebuhraya, malah lebuhraya WCE juga dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan disamping pemangkin pembangunan di kawasan pantai barat Negeri Selangor dan Negeri Perak.
